



MOHAMAD HASAN (duduk, tiga dari kiri) ketika hadir pada Perjumpaan Bersama Majlis Perwakilan Pelajar USIM 2015 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

Bas pelajar USIM dalam perbincangan

SEREMBAN 19 Okt. - Kerajaan negeri komited untuk memastikan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menikmati perkhidmatan pengangkutan bas dalam kawasan kampus tidak lama lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menjelaskan, pihaknya akan mengadakan perundingan dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi membolehkan kelulusan itu diperolehi.

“Secara asasnya di peringkat kerajaan negeri kita telah meluluskan supaya ada perkhidmatan pengangkutan awam di USIM. Sekarang ini kita sedang berunding dengan pihak SPAD untuk mendapatkan kelulusannya sahaja.

“Perkhidmatan bas oleh Cityliner itu nanti hanya akan memasuki kawasan sekitar USIM tetapi tidak sampai ke kawasan kolej kediaman pelajar,” katanya ketika berucap dalam Perjumpaan Bersama Majlis Perwakilan Pelajar USIM 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan; Timbalan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM.

Dalam pada itu, Mohamad mahu pemimpin pelajar mendekati diri kepada masyarakat biarpun tugas hakiki mereka adalah menuntut ilmu.

Katanya, ilmu yang diperolehi

mereka bukan sekadar untuk diri sendiri tetapi boleh disalurkan kepada masyarakat dan secara tidak langsung, berupaya untuk mengasah bakat kepimpinan mereka dalam masyarakat.

“Sebagai pelajar, sebagai pemimpin pelajar walaupun belajar tetapi pada masa yang sama pastikan dalam keadaan di tengah-tengah masyarakat. Balik ke kampung dan buatlah apa yang boleh dilakukan seperti menganggotai persatuan dan sebagainya.

“Jangan kita mengasingkan diri, bila dah masuk universiti sudah tidak pandai untuk bergaul dengan masyarakat. Sepatutnya kita perlu lebih bersama dengan masyarakat,” katanya.